



MANUAL RUJUKAN RUMAH IBADAT MESRA ORANG KURANG UPAYA





SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur



03 - 2612 5600



humanrights@suhakam.org.my



www.facebook.com/SUHAKAM



03 - 2612 5620



www.suhakam.org.my



<http://twitter.com/SUHAKAM>

Cetakan Pertama 2019

Hak cipta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada buku ini tidak boleh dicetak atau diterbitkan semula dalam sebarang cara atau bentuk sama ada secara elektronik, mekanikal, salinan foto atau rakaman tanpa kebenaran SUHAKAM terlebih dahulu.

Dicetak oleh:

Gempita Maju Sdn. Bhd.
No. 7-1, Jalan 3/1
Taman Seri Merdeka
68000 Ampang
Selangor

ISBN : 978-967-2295-06-8

PENGENALAN

Di Malaysia, **Orang Kurang Upaya (OKU)** ditakrifkan sebagai “mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat” (Akta OKU 2008).

Pada 8 April 2008, Malaysia telah menandatangani Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan seterusnya pada 19 Julai 2010 meratifikasi Konvensyen tersebut dengan resvrsi terhadap Artikel 15 – Kebebasan daripada penyeleksaan atau kezaliman, layanan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah dan Artikel 18 – Kebebasan pergerakan dan kewarganegaraan. Matlamat Konvensyen ini adalah untuk mempromosi, melindungi dan memastikan semua orang kurang upaya dapat menikmati segala hak asasi manusia dan kebebasan asasi dengan sama rata dan sepenuhnya dan mempromosi rasa hormat ke atas martabat maruah mereka.

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang berkuatkuasa pada 7 Julai 2008 dengan tujuan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini juga berfungsi untuk mengiktiraf kepentingan kebolehaksesan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi, kebudayaan, kesihatan, pendidikan serta maklumat dan komunikasi bagi membolehkan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat.



Komitmen Malaysia dalam memastikan golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperkenalkan beberapa dasar dan pelan tindakan nasional bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Antaranya adalah:

- (a) Dasar Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya 2007
- (b) Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada Golongan Orang Kurang Upaya (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2010)
- (c) Pelan Tindakan Kebangsaan Orang Kurang Upaya 2016 – 2022

Dalam memastikan aksesibiliti OKU terjamin, Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada tahun 1990 telah memperkenalkan Undang-Undang Kecil 34A dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi mewajibkan setiap bangunan awam menyediakan akses untuk membolehkan OKU masuk, keluar dan bergerak dalam bangunan tersebut. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan bahawa semua pelan bangunan awam mengandungi ciri-ciri akses mengikut Standard Malaysia. Pemilik bangunan awam yang tidak mematuhi Undang-Undang Kecil 34A boleh diambil tindakan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Selain itu, bagi memastikan kemudahan OKU yang disediakan menepati standard, terdapat tiga (3) standard Kod Amalan (Code of Practice) mengenai kebolehaksesan dan mobiliti yang diperkenalkan oleh Jabatan Standard Malaysia seperti berikut:

- (a) MS 1183:1990 - *Code of Practice for Means of Escape for Disabled Persons*
- (b) MS 1184:2014 - *Code of Practice on Universal Design and Accessibility in the Built Environment (Second Revision)*
- (c) MS 1331:2003 - *Code of Practice for Access for Disabled People Outside Buildings*

Seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 melalui Teras Strategik 1 dalam meningkatkan mobiliti dan kualiti hidup golongan OKU supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat, pihak Kerajaan berusaha meningkatkan penyediaan akses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun di luar bandar berkONSEP reka bentuk sejagat.



Dalam melaksanakan pelbagai usaha meningkatkan aksesibiliti OKU, KPWKM telah menujuhkan Jawantakuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya untuk menangani isu aksesibiliti OKU dan reka bentuk sejagat, selaras dengan Seksyen 11 Akta OKU 2008.

MANUAL RUJUKAN RUMAH IBADAT MESRA OKU

SUHAKAM mengenal pasti salah satu aspek penting yang memerlukan perhatian oleh semua pihak ialah mengenai aspek aksesibiliti OKU di rumah-rumah ibadat seperti masjid, gereja, tokong, kuil dan sebagainya.

Sehubungan itu, SUHAKAM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Seminar Rumah Ibadat Mesra OKU pada 20 Oktober 2018 di Masjid Bandar Seri Putra, Bangi dan pada 18 Mac 2019 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Penganjuran seminar ini bertujuan agar satu resolusi dapat dibentuk ke arah pelaksanaan rumah ibadat mesra OKU di Malaysia dan dibentangkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Seminar ini telah dihadiri oleh wakil-wakil KPWKM, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan, Badan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya, jawatankuasa pengurusan rumah-rumah ibadat, pertubuhan agama, dan juga wakil-wakil SUHAKAM.

Manual rujukan ini dihasilkan berdasarkan Resolusi Rumah Ibadat Mesra OKU yang telah dibentuk semasa seminar tersebut. Manual Rujukan Rumah Ibadat Mesra OKU ini adalah sebagai panduan untuk pengurusan rumah-rumah ibadat seperti masjid, tokong, kuil, gereja dan sebagainya di Malaysia dalam menyediakan kemudahan dan aksesibiliti OKU yang memenuhi standard yang ditetapkan dan menaik taraf kemudahan OKU yang sedia ada.

PERTAMA

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu menggubal satu polisi spesifik yang akan memastikan semua rumah ibadat menyediakan kemudahan mesra OKU. Polisi tersebut perlulah bertujuan untuk memastikan golongan OKU tidak didiskriminasi seperti yang termaktub dalam Artikel 5 Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan saksama di sisi undang-undang (Artikel 12, CRPD).



Agensi-agensi Kerajaan seperti KPWKM, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu bekerjasama dengan pemilik atau Jawatankuasa Pengurusan Rumah-Rumah Ibadat dan pihak-pihak lain yang berkenaan.




Kerajaan perlu memastikan penglibatan golongan OKU dalam merangka polisi selaras dengan Artikel 21, CRPD - Kebebasan Bersuara dan Mengemukakan Pandangan dan Akses kepada Maklumat.

Kerajaan perlu merujuk kepada pihak berkepentingan yang lain seperti SUHAKAM, badan profesional seperti arkitek yang bertauliah dan juga ahli-ahli akademik.

KEDUA

Keperluan dan kemudahan utama OKU perlu disediakan di rumah-rumah ibadat dari segi fizikal dan bukan fizikal untuk memberi peluang golongan OKU hidup secara berdikari (Artikel 19, CRPD) dan berkemampuan untuk mobiliti peribadi (Artikel 20, CRPD). Hak kepada aksesibiliti (Artikel 9, CRPD) di rumah-rumah ibadat adalah antaranya seperti berikut:

- Tempat wuduk khas (masjid)
- Arah kiblat untuk OKU penglihatan (masjid)
- Tanjakan (ramp) dan selusur
- Parkir OKU
- Tandas OKU
- Jurubahasa Isyarat
- Alatan amaran kecemasan yang boleh difahami
- Laluan pejalan kaki taktil
- Tiada halangan di laluan OKU
- Kerusi roda atau sarung kerusi roda
- Bahan bacaan agama dalam bentuk Braille
- Penanda arah Braille
- Lif mesra OKU
- Pintu (*sliding door*)
- Ruang menunaikan ibadat
- Pintu atau ruang masuk untuk OKU



Setiap kemudahan perlu mengikut undang-undang yang telah digubal oleh Kerajaan seperti:

- a) Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)
- b) Undang-Undang Kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- c) Undang-Undang Kecil 110A, Undang-Undang Kecil Bangunan (Negeri Sarawak)

Kemudahan OKU juga perlu berpandukan Standard Malaysia yang telah ditetapkan dan diterimapakai di peringkat kebangsaan iaitu MS1184:2014 - *Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice (Second Revision)*.

Rumah-rumah ibadat yang telah menyediakan kemudahan OKU perlulah ditambahbaik dan memenuhi keperluan asas OKU.



KETIGA

Melaksanakan akses audit untuk pemantauan secara berkala di semua rumah ibadat bagi memastikan persekitaran dan kemudahan fizikal yang disediakan menepati piawaian yang ditetapkan, benar-benar mesra OKU dan penambahbaikan dapat dilaksanakan.




KEEMPAT

Akta OKU 2008 (Akta 685) perlu disemak semula dan ditambahbaik supaya penguatkuasaan undang-undang itu boleh dipertingkatkan oleh pihak Kerajaan. Agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pemilik atau Jawatankuasa Pengurusan Rumah-Rumah Ibadat dan pihak berkepentingan yang lain perlu memastikan penguatkuasaan di setiap rumah ibadat di setiap Negeri bagi memastikan pematuhan undang-undang mengenai aksesibiliti OKU.



KELIMA

Meningkatkan kesedaran seperti yang digariskan dalam Artikel 8, CRPD di mana pihak-pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, pemilik atau jawatankuasa pengurusan rumah-rumah ibadat dan masyarakat awam mengenai kepentingan menyantuni golongan OKU serta memahami cabaran yang dihadapi oleh golongan tersebut dalam mengakses rumah-rumah ibadat. Ini membolehkan integriti golongan OKU dapat dilindungi (Artikel 17, CRPD).



*Hakcipta ilustrasi oleh Azari Mat Yasir

KEENAM

Rumah-rumah ibadat perlu menyediakan peruntukan khas dalam usaha menyediakan dan menambahbaik fasiliti dan kemudahan yang mesra OKU. Selain itu, meningkatkan lagi program-program kesedaran mengenai hak OKU dalam kalangan masyarakat.




KETUJUH

Latihan perlu diberikan kepada pihak berkepentingan untuk memastikan keperluan dan kesedaran tentang keperluan golongan OKU dapat dijamin. Pengajian seni bina di institusi pengajian tinggi perlu mengambil kira kepentingan fasiliti OKU sebagai antara silibus yang wajib dalam kandungan kursus.



KELAPAN

Mekanisme pemantauan bebas perlu diperkenalkan untuk menjamin hak dan keperluan golongan OKU.



KESEMBILAN

Hukuman perlu diperkenalkan dan dikuatkuasakan untuk menghukum pihak yang gagal menyediakan kemudahan kepada golongan OKU sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Begitu juga terhadap pihak yang merosakkan kemudahan yang disediakan kepada OKU.

DENDA



KESEPULUH

Setiap organisasi perlu menyediakan operasi dalaman yang menepati prinsip CRPD dan Akta OKU 2008. Begitu juga dengan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 perlu dilaksanakan dengan tepat dan teratur.

